

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JUNE 2016

PAMK gesa polis siasat Deklarasi Mahathir-Kit Siang

Oleh **SITI NURAZLINA
JAMALUDIN**

utusan kedah@utusan.com.my

ALOR SETAR 21 Jun - Persatuan Anak Muda Kedah (PAMK) menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyiasat pendedahan berhubung urusan jual beli maklumat peribadi dan tandatangan palsu untuk digunakan dalam Deklarasi Mahathir bersama Lim Kit Siang bulan lalu.

Pengerusinya, Saiful Zamani Ahmad berkata, pihaknya berharap pasukan forensik PDRM akan dapat menyiasat kesahihan tandatangan yang terdapat dalam borang deklarasi berkenaan demi kepentingan rakyat di negara ini.

“Saya mewakili semua ahli per-

satuan menolak deklarasi yang digerakkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pakatan pembangkang itu.

“Jadi, saya membuat laporan polis pada hari ini kerana mahu pihak berkuasa menyiasat perkara ini bagi memastikan identiti kami mahupun keluarga tidak digunakan sewenang-wenangnya demi kepentingan peribadi pihak tertentu.

“Kami menggesa pihak polis supaya segera menyiasat ahli jawatankuasa dalam deklarasi itu kerana sudah lebih 20 laporan polis dibuat, namun masih belum ada tindakan diambil,” katanya.

Saiful Zamani berkata demikian selepas membuat laporan po-

lis berhubung penggunaan maklumat peribadi dan tandatangan palsu dalam Deklarasi Mahathir bersama Kit Siang di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar, di sini hari ini.

Pada 26 Mei lalu, seorang pengatur cara komputer bebas, Azharuddin Othman mengaku terlibat dalam urusan niaga menjual pangkalan data penduduk negara ini bagi mendapatkan 1.2 juta tanda tangan untuk keperluan projek deklarasi yang digerakkan Dr. Mahathir dan pakatan pembangkang untuk mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melepaskan jawatannya.

Menurut Saiful Zamani, urusan jual beli maklumat peribadi perlu dipandang serius kerana turut

melibatkan keselamatan rakyat yang mana identiti mereka boleh digunakan sewenang-wenangnya tanpa pengetahuan.

“Malah, Dr. Mahathir pada awal bulan ini turut mengakui wujud pemalsuan tandatangan menyokong Deklarasi Rakyat yang disifatkan sengaja dirancang kononnya untuk menggagalkan usaha menjatuhkan Najib.

“Menurutnya terdapat kira-kira 300,000 tanda tangan dipalsukan dengan sengaja. Oleh itu, kita mahu pihak polis menyiasat perkara ini kerana apa yang penting adalah maklumat peribadi rakyat negara ini tidak sepatutnya digunakan tanpa persetujuan pemiliknya,” ujarnya.

um- 22/6/2016